

Satelit Malaysia dilancar menjelang 2024

Banting: Malaysia mampu melancarkan satelit sendiri menjelang 2024 tanpa bantuan negara luar, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Katanya, beliau yakin dalam tempoh 10 tahun akan datang, Malaysia bakal mempunyai tenaga kerja berkemahiran dalam bidang sains angkasa untuk menjayakan sasaran yang ditetapkan.

Katanya, kerjasama antara Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui memorandum persefahaman (MoU) berkaitan kerjasama dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi angkasa yang ditandatangani semalam, dapat membantu menyumbang tenaga kerja dalam bidang berkenaan.

“Pelajar UPM khususnya dalam bidang bahan dan struktur aeroangkasa, sains angkasa, pertanian angkasa, sains hayat, penderiaan jauh dan sistem maklumat geografi serta sistem maklumat navigasi sejagat dan satelit komunikasi akan memperoleh manfaat daripada kerjasama ini.

Kemudahan bantu pelajar

“Saya percaya kemudahan yang disediakan ANKASA dapat membantu pelajar menimba ilmu dalam bidang berkenaan dengan lebih menda-



Abu Bakar (tiga dari kanan) bersama Zulkifli (dua dari kanan) dan Noordin (empat dari kanan) mendengar penerangan ketika melawat Makmal AIT, Fasiliti Kawalan dan Makmal Kalibrasi Optik di Pusat Angkasa Negara, Banting, semalam.

[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]

lam, sekali gus membantu kita melahirkan graduan berkemahiran,” katanya pada majlis penganugerahan sijil ISO 9001:2008 dan menandatangani MoU antara ANKASA dan UPM, di sini semalam.

Abu Bakar berkata, semanganya perbelanjaan tinggi diperlukan untuk mengembangkan sektor sains angkasa, namun peruntukan yang dibelanjakan berbaloi untuk masa depan kerana teknologi berkenaan dapat membantu

negara dalam pelbagai aspek.

Keupayaan terhad

“Insiden kehilangan pesawat MH370 baru-baru ini mengemparkan dunia, membuka mata banyak pihak terhadap keperluan teknologi canggih yang selama ini dipelopori negara Barat. Sektor angkasa negara memerlukan pembiayaan dan dana yang agak besar untuk berkembang dan dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

“Kerana keupayaan dan pakekan tempatan ketika ini amat terhad dan terbatas,” katanya sambil mengajak pemain industri supaya bersama-sama merencanakan industri tempatan khususnya dalam sektor strategik seperti sains angkasa.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Zulkifli Mohamed Hashim dan Ketua Pengarah ANKASA, Dr Noordin Ahmad.